

TARIKH	JUMAAT, 19 FEBRUARI 2021
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	INFORMASI KESELAMATAN TANAH DAN AIR
M/S	26
BIDANG	NUKLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	GTSB, RARE ERATH, R&D

Informasi keselamatan tanah dan air

DALAM pada itu, Ketua Pengarah GTSB, Datuk Nik Abdul Mubin Nik Mahmood berkata, menerusi *output* projek yang dilaksanakan ia dapat menghasilkan informasi berkaitan keadaan keselamatan tanah dan air sebelum kerja perlombongan dijalankan.

"Sekali gus mendapat gambaran berkaitan dengan sifat-sifat fizikal dan kimia air tanah sebelum perlombongan dilaksanakan serta kajian impak air tanah semasa kerja-kerja perlombongan dilakukan.

"Ini secara tidak langsung, pangkalan data yang

bersesuaian dapat dibangunkan untuk kerja-kerja pemantauan kualiti tanah dan air tanah dalam kawasan perlombongan," jelasnya.

Tambahnya, empat negeri dikenal pasti sebagai lokasi R&D itu iaitu di Kelantan, Perak, Pahang dan Kedah.

Bagi permulaan, pihak GTSB menyerahkan cek sebanyak RM125,250 untuk membiayai aktiviti penyelidikan dan kajian peringkat awal manakala baki pembiayaan akan dibuat mengikut kemajuan kajian yang telah dipersetujui dalam perjanjian kerjasama berkenaan.



NIK ABDUL MUBIN
NIK MAHMOOD

Selain itu, bagi memantapkan lagi kajian, pihaknya juga melantik konsultan dan pasukan penyelidik daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Pasukan ini akan turut terlibat sama dalam penyelidikan berkaitan proses yang dipanggil *Recovery of Rare Earth Elements From Ion Absorption Clay Using Insitu Leaching Method*.

Justeru, pihak GTSB yakin kerjasama ini bertepatan dengan aspirasi kerajaan iaitu pembangunan perlombongan mineral nadir bumi yang mampan disamping

mengekalkan kelestarian alam sekitar dan orang ramai.

"Pihak kami amat yakin dengan adanya data-data dan maklumat hasil kajian penyelidikan ini dapat membantu kedua belah pihak.

"Agensi Nuklear boleh menggunakan data tersebut dalam melakukan kajian lanjut berkaitan unsur-unsur nadir bumi manakala pihak kami akan memanfaatkan data tersebut dalam melakukan kerja perlombongan nadir bumi pada masa akan datang," katanya.